



**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN
DIPLOMA ISLAMIC BANKING AND FINANCE**

***SMART APPS* JEJAK ASNAF KAMPUS
KELAS DIB5A (GROUP 1)**

NAMA	NO PENDAFTARAN
SAIDATUL SAADAH BINTI ZULKIFLI	10DIB19F1004
NUR AQILAH BINTI MD NOR	10DIB19F1028
NURUL AINA BATRISYIA BINTI AHMAD SAIDI	10DIB19F1067
MUHAMMAD RIDHUAN BIN ABU BAKAR	10DIB19F1500
NUR AMIRAH BINTI ABD WAHAB	10DIB18F2028

**JABATAN PERDAGANGAN
SESI 1 2021/2022**

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus **DPB50163 *Business Project***, Sesi 1 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Kewangan dan Perbankan Islam di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan
Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai
Jalan Permatang Pauh
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk '*SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus' telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN / ENCIK / DR.

Tandatangan Penyelia:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Nama Penyelia Bersama: DR. KHAIRUL BARIYAH BINTI OTHMAN

Tandatangan Penyelia Bersama:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh: 7 DISEMBER 2021

PERAKUAN PELAJAR

“Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan :


Nama: MUHAMMAD RIDHUAN BIN ABU BAKAR

No. Pendaftaran: 10DIB19F1500

2. Tandatangan:


Nama: SAIDATUL SAADAH BINTI ZULKIFLI

No. Pendaftaran: 10IB19F1004

3. Tandatangan:


Nama: NUR AQILAH BINTI MD NOR

No. Pendaftaran: 10IB19F1028

4. Tandatangan:


Nama: NURUL AINA BATRISYIA BINTI AHMAD SAIDID

No. Pendaftaran: 10IB19F1067

5. Tandatangan:


Nama: NUR AMIRAH BINTI ABD WAHAB

No. Pendaftaran: 10DIB18F2028

RINGKASAN EKSEKUTIF

Politeknik Seberang Perai menjadi pusat tumpuan pengkaji untuk menjalankan kajian yang di hadapi oleh mahasiswa. Masalah yang sering dihadapi terhadap mahasiswa adalah masalah kewangan seperti perbelanjaan harian sehingga mahasiswa cenderung untuk bekerja kerana untuk mendapatkan duit. Selain itu, ia dapat mengganggu masa belajar mahasiswa serta boleh menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan mahasiswa di Politeknik Seberang Perai. Kebanyakan masalah kewangan ini adalah dari mahasiswa yang lahir dalam golongan B40, anak yatim piatu dan yang tergolong dalam golongan asnaf. Maka, mereka malu dan segan untuk tampil ke hadapan memohon bantuan dan mereka juga rasa tidak selesa apabila maklumat peribadi mereka terdedah kepada pihak yang lain. Dengan ini, pihak pengkaji telah berganding bahu dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk membantu mahasiswa yang datang daripada golongan-golongan ini mendapatkan bantuan dari pihak-pihak yang tertentu. Oleh itu, pihak pengkaji mencadangkan untuk membina satu laman sesawang jejak asnaf kampus bagi memudahkan pelajar untuk memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa. Kesimpulannya, dengan membina laman sesawang ini masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa Politeknik Seberang Perai dapat di kurangkan dan mahasiswa lebih yakin dan lebih selesa. Masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa Politeknik Seberang Perai dapat di kurangkan dan mahasiswa lebih yakin dan lebih selesa.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus **DPD50163 Business Project** yang bertajuk ***SMART APPS Jejak Asnaf Kampus di Politeknik Seberang Perai***, bagi Sesi 1 2021/2022.

Penghargaan ini diberikan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pada pihak yang terlibat serta menyanjungi sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada penyelia projek Dr. Khairul Bariyah Bt Othman,, penyelia bersama Dr. Khairul Bariyah Bt Othman, pihak berkolaborasi iaitu Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), ahli kumpulan dan mereka yang terlibat dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus **DPB50163 Business Project, *SMART APPS Jejak Asnaf Kampus di Politeknik Seberang Perai***, bagi program Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai, Sesi 1 2021/2022

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	I
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	II
PERAKUAN PELAJAR	III
RINGKASAN EKSEKUTIF	IV
PENGHARGAAN	V

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1 - 6
1.3 Pernyataan Masalah	6 - 11
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Justifikasi Kajian	11 - 13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Takrifan Istilah	14-15
1.8 Kepentingan Kajian	15-17

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	18
2.2 Kajian-Kajian Lepas	18
2.2.1 Kajian Berkaitan Zakat	18-19
2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi	20-21

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.2.1	Tinjauan Awal Keperluan Kajian	23 - 26
3.2.2	Teknik Penghasilan Projek	27 - 35
3.2.3	Kaedah Pengumpulan Data	36 - 37
3.2.4	Bahan Dan Peralatan	37 - 38
3.2.5	Kaedah Analisis Data	38 - 39

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pendahuluan	40
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian	
4.2.1	Projek Jenis Nyata	40 - 42
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan, Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	43
4.3.1	Impak Produk	44 - 45
4.4	Kos Penghasilan Projek	45

BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	46
5.2	Kesimpulan	46 - 47
5.3	Cadangan	46 - 47
5.3.1	Cadangan Kepada Responden Utama Kajian	47
5.3.2	Cadangan Kepada Mahasiswa Dan Majlis Perwakilan Pelajar	48
5.3.3	Cadangan Kepada Pngkaji Pada Masa Akan Datang	48
5.4	Limitasi Kajian	48 - 49
5.5	Rumusan	49

RUJUKAN

50 - 51

LAMPIRAN

Lampiran 1

52 - 53

Lampiran 2

54 - 55

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, justifikasi kajian, takrifan istilah dan kepentingan kajian. Bab ini juga membincangkan tentang cadangan penghasilan produk inovasi kajian iaitu *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus.

Kajian ini secara umumnya dijalankan di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang yang tertumpu kepada mahasiswa yang terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu yang malu untuk membuat permohonan bantuan. Sistem aplikasi yang akan dibangunkan hasil daripada kajian yang dilakukan ini diharap memberi sumbangan yang amat besar dalam membantu mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masalah kewangan adalah satu isu utama mahasiswa dalam menjalani kehidupan sebagai penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kebanyakan mahasiswa tidak tahu bagaimana untuk menguruskan perbelanjaan mereka dengan cermat, terutamanya mahasiswa tahun satu yang baru sahaja melangkah masuk dari alam sekolah ke alam universiti. Menurut Nur Emelia Batrisyia Ismail (2021), menyatakan bahawa pada peringkat IPTA, mahasiswa bukan sahaja menghadapi masalah kewangan, malah banyak aspek lain lagi yang perlu diuruskan seperti penglibatan akademik dan penyediaan keperluan harian. Oleh itu, dalam hal ini ia merupakan cabaran mahasiswa untuk menghadapinya dengan lebih matang.

Namun begitu, sehingga kini golongan mahasiswa masih berhadapan dengan isu kewangan yang melibatkan masalah dari segi peruntukkan pendapatan yang tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan pada sepanjang tempoh pengajian. Dalam keadaan ini, mahasiswa perlu bijak untuk menilai antara kehendak dan keperluan yang sebenar. Sebagai mahasiswa yang berdikari, perlu membuat keputusan sama ada mahu membeli atau menanggung hasrat agar duit belanja selebihnya dapat digunakan pada hari yang seterusnya.

Seterusnya, terdapat juga mahasiswa yang datang dari keluarga yang susah dan berpendapatan rendah serta dalam golongan anak yatim piatu. Dalam situasi ini, keluarga yang kurang kemampuan, tidak dapat menghulurkan wang perbelanjaan apabila mahasiswa memerlukannya. Justeru keadaan ini menyebabkan pelajar berusaha mencari alternatif lain untuk menampung kos sara hidup di kampus. Walaupun kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan untuk mahasiswa IPTA dan mahasiswa tersebut mempunyai kelayakan untuk menerima bantuan kewangan, tetapi masih ada beberapa mahasiswa malu untuk meminta atau membuat permohonan. Hal ini kerana mahasiswa berasa merasa malu apabila hal-hal peribadi dan keluarganya akan diketahui oleh rakan-rakan di kampus dan pihak pengurusan.

Menurut Geraldine Tong May Yean (2019), pelajar IPT yang menghadapi masalah kewangan terpaksa makan sekali sehari, atau membuat kerja sambilan untuk menyara kehidupan. Oleh itu, kebanyakannya mengambil langkah untuk membuat kerja sambilan seperti berniaga ataupun bekerja di kedai atau kilang dan sebagainya. Walaupun kerja sambilan membantu mahasiswa untuk mendapatkan wang saku lebih, tetapi mahasiswa ini secara tidak langsung turut berhadapan dengan risiko seperti tidak dapat memberi tumpuan dalam pembelajaran kerana letih bekerja serta tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan di IPTA. Bagi meringankan beban mahasiswa IPTA, kerajaan juga memberi sumbangan iaitu zakat kepada yang keperluan. Masih ada mahasiswa tidak tahu atau berasa malu untuk menuntut walaupun mereka mempunyai syarat-syarat untuk menerimanya.



Rajah 1.1 : Bantuan Zakat Yang Dilaksanakan Oleh Zakat Pulau Pinang

Pihak setiap institusi ini sentiasa memantau tentang masalah-masalah pelajar dari segi kewangan. Terdapat pelbagai bantuan bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi juga ada beberapa bantuan peringkat IPTA, contohnya seperti zakat, waqf, bantuan *one-off* dan sebagainya. Zakat ini adalah antara bantuan yang bukan sahaja ditawarkan di IPTA juga pada peringkat kerajaan negeri yang diuruskan oleh zakat di setiap negeri. Menurut Mazhab Hanafi, zakat membawa maksud mengeluarkan sebahagian dari harta tertentu untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sebagai salah satu rukun Islam, zakat ditunaikan untuk diberikan kepada golongan yang berhak menerimanya (asnaf). Zakat sendiri berasal dari bentuk kata "zakat" yang berarti suci, baik, berkah, tumbuh, dan berkembang. Dinamakan zakat, kerana di dalamnya terkandung harapan untuk memperoleh berkah, membersihkan jiwa dan memupuknya dengan berbagai kebaikan. Terdapat 2 jenis zakat di Malaysia, iaitu zakat fitrah dan zakat harta.

Dana zakat yang dikumpul oleh pusat zakat negeri-negeri akan diagihkan kepada golongan-golongan asnaf yang telah dinyatakan di dalam Al Quran untuk menerimanya. Antara ayat al-Quran yang menjadi paksi perbincangan berkaitan golongan-golongan asnaf ialah ayat al-Quran dalam surah At-Taubah iaitu fiman Allah SWT yang bermaksud:

“Sungguh zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, orang yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah maha mengetahui, maha bijaksana.” (Surah At-Taubah 9:60)

9 = Surah ke 9

60 = ayat ke 60

Terdapat 8 golongan yang dinyatakan di dalam Al-Quran (Surah At-Taubah 9:60) iaitu fakir (al-Fuqara), miskin (al-Masakin), amil, muallaf, riqab (seseorang yang terbelenggu tanpa kebebasan), gharimin (penghutang muslim), fisabilillah (orang yang berjuang kerana Allah) dan Ibnu sabil (musafir). Antara golongan yang layak untuk diterima zakat adalah golongan-golongan pelajar yang bermasalah dan menghadapi masalah kewangan di IPTA.



Rajah 1.2 : Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Kepada Mahasiswa IPTA

Perlu diketahui bahawa sesungguhnya kewajiban berzakat telah ditetapkan oleh beberapa ayat Al-Qur'an, di antaranya adalah firman Allah SWT yang bermaksud:

“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat tersebut engkau membersihkan dan mensucikan mereka.” (QS. At-Taubah 9 : 103)

9 = Surah ke 9

103 = ayat ke 103

Terdapat lima rukun islam dan antara salah satu daripadanya ialah mengeluarkan zakat. Hukum mengeluarkan zakat adalah fardhu ain ke atas setiap orang islam yang memenuhi segala syarat-syarat wajib. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Zakat itu jembatannya Islam.” (Hadith Riwayat Imam Ath-Thabarani)



Rajah 1.3 : Pengenalan Tentang Asnaf Zakat

Lembaga zakat di setiap negeri-negeri di Malaysia memainkan peranan dalam mengagihkan bantuan kepada asnaf-asnaf yang memerlukan di IPTA. Agihan ini adalah dalam bentuk bantuan awal pendidikan tinggi ataupun bantuan kewangan untuk mahasiswa IPTA sepanjang pengajian IPTA atau mereka yang menghadapi masalah kewangan semasa tempoh pengajian dan lain lagi. Tujuan bantuan ini adalah untuk membantu meringankan bebanan mahasiswa untuk menampung perbelanjaan harian atau bulanan sepanjang pengajian IPTA dalam negara. Antara bantuan-bantuan yang dilaksanakan oleh Lembaga zakat negeri Pulau Pinang ialah bantuan permulaan ke IPTA 2021/2022 bagi kemasukan dalam dan luar negara, bantuan dermasiswa pengajian zakat Pulau Pinang (MAINPP) tahun 2021 dan sebagainya.

Keinginan pengkaji adalah untuk menyelidik masalah kewangan dalam kalangan mahasiswa. Oleh hal yang demikian, pihak pengkaji ingin mewujudkan sebuah aplikasi yang boleh membantu mahasiswa memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa. Bantuan zakat yang diterima oleh mahasiswa juga dapat membantu meringankan beban ibu bapa atau penjaga. Akhir sekali, ini merupakan salah satu kaedah yang dapat diinovasikan kepada pelajar untuk memohon bantuan zakat sama ada di IPTA dan juga di pusat zakat secara dalam talian.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kaedah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) mencari mahasiswa asnaf adalah hanya melalui SPMP sahaja. JHEP yang perlu mencari mahasiswa sedangkan bantuan sedia ada .Pernyataan Ini membuktikan bahawa mahasiswa memang malu untuk membuat permohonan bantuan dengan JHEP secara bersemuka. Encik Suhaimi merupakan pemegang data- data asnaf mahasiswa membuat pernyataan bahawa kekurangan dari segi mengambil data – data mahasiswa di dalam sistem SPMP adalah tidak ada slip gaji penjaga ataupun ibu bapa.Oleh hal yang demikian, perkara ini akan menyukarkan pihak JHEP PSP untuk mencari mahasiswa yang layak untuk menerima bantuan zakat tersebut. Data di dalam SPMP tidak berapa tepat kerana mahasiswa boleh memanipulasi jumlah gaji ibu bapa mereka. Politeknik Seberang Perai (PSP) mendapat bantuan zakat daripada Bank Islam sebanyak Rm 5000 untuk setahun.

Jadinya pengurusan Jabatan Hal ehwal Pelajar (JHEP) PSP perlu memainkan peranan yang penting dengan menghabiskan keseluruhan dana zakat tersebut dengan menyalurkannya kepada mahasiswa yang layak dan berkeperluan . Hasil temubual bersama Encik Suhaimi didapati bahawa setiap kali pengambilan mahasiswa baru terdapat 40 % golongan mahasiswa yang mana terdiri daripada golongan asnaf dan kategori B40 .

Selain kos perbelanjaan akademik seperti buku rujukan dan yuran pengajian, kekangan kewangan lebih dirasai apabila terdapat mahasiswa yang tinggal di luar kampus dimana mereka terpaksa membayar kos lain dalam jumlah yang agak besar. Maka, sudah pasti kos perbelanjaan harian semakin meningkat kerana banyak perkara yang perlu dibayar dan ditanggung seperti rumah sewa yang agak mahal, pengangkutan, keperluan harian serta bil api dan air. Menurut Siti Alida John Abdullah (tahun), jumlah perbelanjaan harian lebih tinggi dirasai oleh pelajar yang sudah berkahwin berbanding pelajar yang masih bujang, terutama pelajar lelaki. Hal ini kerana lelaki merupakan ketua keluarga yang bertanggungjawab menanggung perbelanjaan isterinya termasuklah kesihatan, kos sara hidup dan pakaian.

Dalam menangani isu kesulitan hidup dan kewangan, Islam sentiasa peka dan meletakkan keperluan menjaga ummah sebagai fokus utama. Justeru bantuan zakat yang disediakan oleh Pusat Zakat menunjukkan keprihatinan Islam menjaga kebajikan ummah. Di peringkat kerajaan negeri bantuan awal IPTA berbentuk zakat ini turut disediakan oleh pihak zakat setiap negeri untuk golongan mahasiswa di IPTA. Khususnya kepada mahasiswa yang terdiri daripada golongan B40. Golongan pelajar PSP ini adalah tergolong dalam kategori asnaf fisabillah ini bukan khas untuk mereka yang berperang di jalan Allah secara sukarela tetapi ia umum meliputi semua bentuk kebaikan seperti berdakwah, mengajar, belajar, pembinaan masjid dan seumpamanya. Oleh itu, syarat untuk menerima zakat dibawah kategori fisabillah bukan dari kalangan mahasiswa yang miskin atau fakir tetapi syaratnya adalah penuntut ilmu. Pengkaji juga merupakan pelajar *Diploma In Islamic Banking And Finance* (DIB) yang belajar tentang muamalat termasuklah tentang ilmu zakat ini. Pengkaji juga dalam usaha untuk mengaplikasikan ilmu zakat yang dipelajari dalam pendidikan ini untuk

membangunkan sebuah produk inovasi yang dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh mahasiswa PSP .



Rajah 1. 5 : Bantuan Awal IPT daripada Zakat Pulau Pinang



Rajah 1.6 : Skim Bantuan Awal IPT

Hasil temu bual dengan 101 orang pelajar yang menghadapi masalah kewangan, mereka menyatakan bahawa tidak tahu bantuan yang ditawarkan oleh pihak Politeknik. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan majoriti pelajar tidak tahu tentang info bantuan yang boleh dipohon oleh pelajar.

Jadual 1.1: Data temubual tentang informasi bantuan kewangan yang disediakan.

bil	Item soalan	Data temubual	Kategori Pelajar
1.	Adakah anda pernah membuat permohonan bantuan zakat kewangan untuk kemasukan ke IPT?	Ya (59.4%) Tidak (40.6%)	Lelaki (44.6%)
2.	Adakah anda penerima bantuan zakat kewangan IPT?	Ya (45.5%) Tidak (54.5%)	
3.	Adakah anda pernah mendengar tentang bantuan zakat/kewangan yang ditawarkan oleh pihak Politeknik Seberang Perai?	Ya (38.6%) Tidak (61.4%)	Perempuan (55.4%)
4.	Bagaimanakah keadaan kewangan dan perbelanjaan anda semasa berada di Politeknik Seberang Perai?	Sangat baik (8.9%) Baik (35.6%) Memuaskan (39.6%) Tidak baik (11.9%) Sangat tidak baik (4%)	

Berdasarkan jadual di atas majoriti mahasiswa pernah membuat permohonan zakat kewangan untuk kemasukan ke IPT. Namun, ada juga sebahagian daripada mereka tidak menerima bantuan zakat kewangan IPT. Seterusnya, hampir keseluruhan mahasiswa tidak pernah mendengar tentang bantuan zakat/kewangan yang ditawarkan oleh pihak Politeknik Seberang Perai. Akhir sekali, majoriti keadaan kewangan dan perbelanjaan mahasiswa sangat memuaskan semasa mereka berada di Politeknik Seberang Perai. Kesimpulannya, analisis soal selidik

membuktikan bahawa *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus perlu direalisasikan bagi memudahkan urusan mahasiswa untuk memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa.

Selain itu, ada juga diantara mereka yang menyatakan bahawa proses untuk memohon zakat tersebut sangat sukar kerana ia memerlukan banyak prosedur. Selain itu, ada juga diantara kalangan mahasiswa baharu yang tidak mengetahui kewujudan bantuan awal IPT. Oleh hal yang demikian masalah ini tidak boleh dipandang rendah kerana mahasiswa PSP yang mengalami masalah kewangan ini boleh terlibat dengan masalah-masalah lain jika tidak dibendung dari awal lagi. Sebagai contoh, mahasiswa mungkin bekerja secara sambilan untuk mencari sedikit wang untuk menyara hidup sepanjang pengajian. Jika pelajar tidak dapat menguruskan rutin harian belajar dan kerja dengan baik, kesannya adalah mereka tidak dapat memberi tumpuan dalam kuliah atau menyiapkan tugas, dan tidak mustahil boleh terlibat dengan hutang Ahlong dan sebagainya. Bekerja sambilan bagi golongan yang memegang status pelajar sememangnya merupakan satu cabaran yang besar. Baik dari segi masa mahupun tenaga. Kekangan masa bagi seorang pelajar sememangnya merupakan sesuatu yang mencabar (Mohammad Zakwan Che Zakaria). Jadi perkara-perkara ini boleh menjatuhkan prestasi mahasiswa PSP dalam pelajaran dari segi HPNM dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, sebelum nasi menjadi bubur masalah ini perlu diselesaikan dengan kadar segera.

Dalam menangani masalah ini pihak yang dekat dengan mahasiswa di Politeknik Seberang Perai (PSP) adalah Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) ini adalah satu unit yang berfungsi untuk menguruskan pengambilan pelajar baharu, data mahasiswa dan menguruskan kebajikan serta disiplin pelajar (Portal Rasmi Politeknik Seberang Perai). Selain itu, pihak HEP mempunyai segala maklumat peribadi mahasiswa dan mahasiswi PSP termasuklah maklumat gaji atau pendapatan ibu bapa mereka. Maklumat-maklumat ini dapat membantu pihak JHEP untuk mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan. Tetapi cara ini bukannya satu kaedah yang berkesan untuk mengenal pasti mahasiswa yang memerlukan bantuan kewangan. Hasil temu bual bersama pegawai HEP dan juga MPP, setakat kini masih belum

ada proses atau saluran yang disediakan oleh pihak HEP dalam menjejaki pelajar yang bermasalah dalam kewangan.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti masalah utama dalam menjejaki mahasiswa bermasalah dalam aspek kewangan. Selain itu, hasil daripada kajian yang dilakukan, satu produk inovasi berbentuk smart aplikasi akan dibangunkan sebagai satu saluran kepada pelajar untuk mendapatkan bantuan zakat dan lain-lain bantuan yang telah diperuntukkan oleh pihak PSP kepada mahasiswa.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti masalah menjejaki mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan.
2. Membangunkan satu aplikasi menjejaki mahasiswa Politeknik Seberang Perai untuk memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa.

1.5 JUSTIFIKASI KAJIAN

1.5.1 Justifikasi pemilihan isu kajian

Kajian ini tertumpu kepada mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang mengalami masalah kewangan serta malu untuk memohon bantuan. Hal ini perlu ditangani dengan segera kerana masalah kewangan secara tidak langsung akan memberi impak negatif kepada mahasiswa terutamanya dalam meneruskan pengajian.

Terdapat juga mahasiswa dari golongan B40, anak yatim piatu serta golongan asnaf yang terkesan dengan masalah kewangan tetapi malu untuk memohon bantuan sama ada secara terus kepada pihak yang bertanggungjawab seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar atau memohon bantuan dari rakan-rakan. Hasil daripada isu ini, pihak pengkaji mencadangkan untuk membangunkan satu aplikasi *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus untuk mengenal pasti masalah mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan. Pihak pengkaji mencadangkan untuk merealisasikan satu aplikasi yang telah diinovasi bagi memudahkan urusan mahasiswa yang berkaitan untuk memohon bantuan secara persendirian dan secara tidak langsung membantu pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai untuk mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan. Aplikasi ini direalisasikan oleh pihak pengkaji bertujuan untuk memberi keyakinan kepada mahasiswa yang berkenaan untuk memohon bantuan dan secara tidak langsung dapat menjimatkan masa dan tenaga pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang berkenaan. Antara tujuan utama projek ini adalah untuk mengesan kewujudan mahasiswa yang mengalami kesusahan dan memerlukan bantuan agar dapat dibantu dengan lebih cepat dan mudah.

1.5.2 Justifikasi analisis SWOT

Untuk menjadikan kajian ini lebih kukuh, pihak pengkaji menggunakan instrumen analisis SWOT untuk menambah baik maklumat yang telah diperoleh. Analisis SWOT merupakan singkatan kepada *Strengths*, *Weakness*, *Opportunities* dan *Threats*. Dengan penggunaan instrumen analisis SWOT ini pihak pengkaji dapat mengkaji dengan lebih terperinci segala maklumat yang telah diperoleh. Menganalisa lingkungan *internal* dan *eksternal* merupakan bagian dari perencanaan strategis. Salah satu *tools* yang digunakan adalah SWOT yang merupakan singkatan dari *Strengths (S)*, *Weakness (W)*, *Opportunities (O)* dan *Threats (T)* (Arnold , 2008). Selain itu, instrumen ini juga telah menjadi kaedah pendekatan berguna sejak sekian lama kepada industri dan membantu sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan tindakan (Balamuralikrishna & Dugger, 2003). Analisis tentang keperluan menjalankan kajian ini adalah melalui hasil temu bual dengan 100 orang mahasiswa PSP yang menghadapi masalah kewangan yang menyatakan bahawa mereka tidak tahu tentang bantuan yang ditawarkan oleh pihak PSP, ada juga di antara mereka yang menyatakan bahawa mereka malu untuk memohon bantuan secara terus kepada pihak pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Oleh hal yang demikian, dengan adanya aplikasi ini, proses mengenal pasti masalah mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan dapat diselesaikan dengan baik tanpa mendedahkan apa-apa data persendirian pelajar kepada pihak lain.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian projek ini tertumpu kepada mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu. Tujuan projek ini adalah untuk membolehkan pelajar memohon bantuan secara persendirian serta lebih yakin dan secara tidak langsung dapat membantu pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan. Hal ini kerana, ramai di antara pelajar yang memerlukan bantuan berasa segan dan malu untuk memohon bantuan secara terus kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar mahupun pihak berkepentingan yang lain seperti Kelab Rakan Pusat Islam Majlis Perwakilan Pelajar dan lain-lain. Kemudahan yang lengkap perlu disediakan bagi memudahkan pelajar dan pihak yang terlibat untuk menyalurkan bantuan dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah.

1.7 TAKRIFAN ISTILAH

1.7.1 Zakat dari segi bahasa membawa maksud bersih, tumbuh, berkat dan pujian (Ibn Manzur). Dari segi syarak, zakat membawa maksud memberikan milik sebahagian harta tertentu daripada harta yang khusus kepada individu yang tertentu mengikut ketetapan oleh Allah S.W.T untuk mendapat redha Allah (Mazhab Hanafi). Manakala menurut Mazhab Al-Syafie, zakat ialah nama bagi sesuatu yang dikeluarkan daripada harta dan tubuh badan dengan cara yang tertentu.

1.7.2 Dr. Zuhdi bin Marzuki (Univ.Malaya,2001) mendefinisikan mahasiswa sebagai suatu kelompok pelajar yang berada dalam peringkat paling tinggi dalam sistem pendidikan formal sesebuah negara. Namun, jika dilihat dengan mata kasar, perkataan mahasiswa tersebut sebenarnya mempunyai dua suku

kata di mana perkataan tersebut ialah ‘Maha’ yang membawa maksud hebat dan berkuasa, dan ‘Siswa’ yang membawa maksud pelajar atau penuntut di universiti. Hasil gabungan kedua suku kata tersebut telah memberi makna yang sangat tinggi iaitu pelajar tersebut bukan sahaja berpeluang untuk belajar di universiti malah ia juga mempunyai kemampuan yang tinggi untuk berfikir

- 1.7.3 Menurut Dato’ Haji Nooh Bin Gadot, penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor pada 9 Jun 2009, beliau berkata “fisabilillah” dari segi bahasa Assabil membawa maksud jalan manakala Sabilillah membawa maksud jalan yang menyampaikan kepada keredaan Allah sama ada melalui iktikad, kepercayaan dan amalan serta perbuatan. Dari segi syarak ia membawa maksud peperangan kepada jalan Allah S.W.T. dan segala yang berkaitan dengannya.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pelbagai pihak dapat mengambil kepentingan dari hasil kajian ini misalnya pihak Institusi Pengajian Tinggi, pelajar yang terlibat, pengkaji akan datang dan sebagainya. Antara kepentingan kajian ini adalah:

1.8.1 Pihak Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini dapat membantu Institusi Pengajian Tinggi Politeknik Seberang Perai dalam menjaga kebajikan warganya menerusi pelbagai usaha. Sumbangan dana dari pelbagai pihak dimanfaatkan bukan sahaja untuk mahasiswa yang memerlukan malah ia juga diberikan kepada kakitangan yang ditimpa masalah atau musibah. Justeru itu, pihak IPT juga dapat menjaga kebajikan mahasiswa

dan dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara pihak pengurusan dan mahasiswa. Bertitik tolak dengan kenyataan diatas, ini menunjukkan bahawa wujudnya tanda prihatin warga Politeknik Seberang Perai (PSP) khususnya keluarga asnaf dan dapat membangkitkan lagi motivasi mahasiswa PSP untuk lebih berjaya dan cemerlang dalam pelajaran.

1.8.2 Pelajar yang terlibat

Selain itu, melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji, bantuan kewangan ini juga dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pelajar. Menurut Menteri Pengajian Tinggi ,YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad berkata, sektor pengajian tinggi adalah antara sektor yang paling terkesan kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PDP) perlu dilaksanakan secara dalam talian bagi menggantikan kaedah bersemuka yang lazim diamalkan sebelum ini. Oleh hal demikian, terdapat segelintir mahasiswa yang mengambil kesempatan dengan melaksanakan kerja sambilan bagi menjana pendapatan untuk menampung kos perbelanjaan.

1.8.3 Pengkaji akan datang

Disamping itu, kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada pengkaji akan datang dalam mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam mencari maklumat berkaitan dengan pelajar yang memerlukan bantuan kewangan di Politeknik Seberang Perai. Sehubungan dengan itu, pengkaji kini berharap juga agar kajian ini boleh dijadikan sebagai penggerak kepada pengkaji akan datang dalam bidang berkaitan untuk membuat kajian selanjutnya.

Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberi kemudahan kepada HEP Politeknik Seberang Perai dan Majlis Perwakilan Pelajar Seberang Perai supaya lebih mudah untuk mengesan dan mengumpul maklumat berkaitan pelajar yang memerlukan bantuan di Politeknik Seberang Perai

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini bertujuan membincangkan kajian-kajian lepas dan karya-karya terdahulu yang bersangkutan paut dengan topik kajian ini, iaitu aplikasi ini yang memudahkan urusan mahasiswa yang berkaitan untuk memohon bantuan secara persendirian dan secara tidak langsung membantu pengurusan pihak institusi untuk mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan. Carian terhadap kajian dilakukan terhadap bahan literatur merangkumi artikel, jurnal, tesis, dan buku-buku berkaitan kajian.

2.2 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Berdasarkan tinjauan penyelidikan, terdapat pelbagai bentuk kajian terdahulu berkaitan zakat.

2.2.1 Kajian Berkaitan Zakat

Terdapat lima kajian berkenaan zakat yang ditemui oleh penyelidik. Kajian oleh Azman (2017) pengurusan zakat pendidikan telah dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek kutipan dan juga aspek pengagihan zakat kepada golongan asnaf. Hal ini menunjukkan zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu dan meningkatkan taraf hidup golongan asnaf serta dapat menjadi pembayar zakat pada masa hadapan. Hal ini dapat dibuktikan, peruntukan yang banyak yang disalurkan oleh pihak zakat untuk program pendidikan golongan asnaf serta pembiayaan pendidikan.

Seterusnya, menurut Nor Fariza Mohd Radzi dan NurAliza Ahmad (2017) dalam kajian yang bertajuk peranan zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia merupakan aktiviti yang semakin digemari oleh NGO di Malaysia telah menghuraikan kepentingan kemajuan sesebuah negara mengenai ekuiti dalam pendidikan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan dalam membantu mempertingkatkan ekuiti pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Hasil kajian mendapati bentuk-bentuk agihan zakat yang dapat diberikan oleh pihak zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia

Selain itu, kajian daripada Muhammad Haffiz Muhammad Isa dan Hairunnizam Wahid (2017) menjalankan kajian mengenai dana zakat untuk pembiayaan pendidikan. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti kecenderungan golongan asnaf muallaf dalam pemilihan aliran pendidikan di Malaysia. Pengkaji telah membuat set soal selidik untuk mendapatkan maklumat. Set soal selidik ini telah diberikan kepada 514 responden yang terdiri daripada para pelajar yang datang dari empat buah institusi latihan dakwah di Malaysia. Antaranya ialah, Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA) Kedah, Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) Kelantan, Pusat Pengukuhan Muallaf Selangor dan Pusat Saadah Negeri Sembilan. Hasil daripada kajian telah mendapati bahawa kecenderungan aliran pendidikan akademik menjadi pilihan golongan asnaf muallaf dengan kadar peratusan 54.5% berbanding pendidikan aliran kemahiran dengan kadar 45.5%.

Menurut Atiah Ahmad & Hairunnizam Wahid 2017 agihan zakat secara wakalah yang diaplikasikan oleh MAIWP merupakan contoh sistem agihan zakat yang amat bagus terutama bagi meningkatkan kutipan zakat disebabkan masyarakat yang mewakili antara empat segmen iaitu individu, IPTA, syarikat dan segmen majikan mendapat peluang untuk mengagihkan sendiri zakat mereka kepada golongan fakir miskin tanpa berdosa mengikut syarat yang ditetapkan ..

Akhir sekali, kajian daripada Abd Halim (2015) beliau mengatakan bahawa salah satu aras yang menjadi kepuasan oleh pihak zakat ialah kepuasan agihan kepada golongan yang memerlukan. Ini merupakan salah satu cara untuk menilai kecemerlangan reputasi sesebuah institusi zakat dalam menjaga kebajikan asnaf.

2.2.2 Kajian Berkaitan Keberkesanan Aplikasi

Terdapat lima kajian berkaitan keberkesanan aplikasi yang ditemui oleh penyelidik. Antaranya ialah, Menurut Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2019 aspek pengawalan (hisbah) secara efisien menjadi kewajaran dalam memastikan institusi zakat mempunyai pengurusan yang telus serta berintegriti (Faizul Shaiffe & Shahir Akram Hassan, 2019). Wakalah Zakat (WAZA) merupakan strategi berkesan dalam meningkat kutipan serta melancarkan urusan agihan zakat. Berdasarkan kajian lepas, tiada kajian yang dilakukan terhadap sistem aplikasi zakat melalui konsep WAZA. Justeru kelompongan kajian terhadap sistem aplikasi zakat melalui konsep WAZA memberi motivasi kepada pengkaji untuk membuat kajian dengan lebih mendalam terhadap aplikasi MyWakalah yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sebagai pemangkin kepada institusi zakat dan seterusnya memberi nilai tambah kepada pihak institusi zakat dalam memastikan sistem aplikasi melalui konsep WAZA secara teknologi terkini amat diperlukan dalam membantu institusi zakat memperkasakan pengurusan zakat secara efisien.

Selanjutnya, pada sudut pengurusan zakat, Mohd Faisol Ibrahim (2015) mencari bahawa penggunaan ICT merupakan salah satu cara untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan zakat secara pantas tanpa sempadan tempat dan masa. selain daripada itu, institusi zakat perlu merangka pelan strategik yang berkesan dan lengkap atas dasar institusi zakat sebagai pemberi perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar zakat (Mohd FarihalOsman et.al, 2019).

Selain itu, Prof Madya Dr Azman Ab Rahman (2016) merupakan pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, telah menghasilkan satu produk inovasi yang dinamakan sebagai Global Zakat Game: Bijak Zakat versi 1.0 (GZG). Tujuan produk ini di bangunkan adalah untuk memberi kaedah yang terbaik dan mudah difahami oleh guru-guru dan pelajar-pelajar ketika belajar tajuk mengenai zakat. Produk inovasi ini menjadi salah satu alternatif pembelajaran dan alat bantu bahan mengajar kepada guru dan pelajar dan ia telah dirasmikan pada tanggal 11 Oktober 2016 di Konvensyen Zakat Kebangsaan di Universiti Sains Islam Malaysia.

Di samping itu, Ketua Pegawai Operasi HLISB, Jasani Abdullah (2016) telah memperkenalkan saluran pembayaran zakat terkini melalui '*Cashless ATM*' bagi memudahkan masyarakat Islam untuk membayar zakat dan melaksanakan bayaran tanpa tunai melalui rangkaian '*Self Service Terminal*' (SST). Produk inovasi ini adalah yang pertama diperkenalkan oleh institusi zakat di Malaysia. Terdapat empat cawangan LZS yang menawarkan kemudahan '*Cashless ATM*' iaitu di ibu Pejabat LZS, Kajang, Bangi dan Seksyen 14, Petaling Jaya. Melalui kemudahan ini, pengeluar zakat hanya perlu membuat pindahan wang menggunakan kad debit dari mana-mana bank dan melakukan transaksi. Menurut Ketua Pegawai Operasi HLISB, Jasani Abdullah, "Pembayaran secara digital ini dibangunkan bagi memudahkan dan mempercepatkan cara pembayaran zakat di mana pengeluar zakat tidak perlu beratur untuk berurusan di kaunter. Kaedah pembayaran sebegini adalah selaras dengan teras perniagaan HLISB yang menuju ke arah perbankan digital dan mudah alih. Pelaksanaan pembayaran melalui saluran SST, iaitu melalui '*Cashless ATM*' juga merupakan salah satu usaha kami bagi menyokong perbankan digital yang kini berkembang pesat dan diterima oleh khalayak ramai."

Akhir sekali, Dr. Rohafiz Sabar dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML) (2019) telah mencipta satu permainan yang dikenali sebagai '*Jom Pay Zakat*' ia merupakan hasil kolaborasi Lembaga Zakat Kedah, Institut Penyelidikan Dan Inovasi Zakat (IPIZ) UUM dan The Centre for Logistics and Transport (CeLT) UUM. Matlamat utama permainan ini adalah untuk menggalakkan golongan muda mengaplikasikan pengetahuan dan teori yang diperolehi dalam kuliah ke dalam persekitaran pembelajaran yang ditunjukkan dengan jelas untuk memahami secara mendalam. Tambahan pula, *gamification* juga adalah satu alternatif yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap pengurusan zakat di kalangan masyarakat Islam termasuk generasi muda dan pelajar dalam pembelajaran di STML dan UUM.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan secara lebih mendalam tentang maklumat penghasilan aplikasi sekaligus berkenaan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, penerangan tentang masalah utama yang dihadapi oleh mahasiswa Politeknik Seberang Perai dalam aspek kewangan yang terdiri daripada keluarga yang susah dan anak yatim piatu yang malu untuk membuat permohonan bantuan.

Selain itu, satu produk inovasi berbentuk smart aplikasi akan dibangunkan untuk mahasiswa memohon bantuan secara persendirian, yakin dan lebih selesa. Tujuan aplikasi ini untuk menanganikan masalah kewangan yang akan memberi impak negatif kepada mahasiswa. Kemudian, aplikasi ini juga memudahkan urusan mahasiswa yang berkaitan untuk memohon bantuan secara persendirian dan secara tidak langsung membantu pengurusan pihak institusi untuk mengesan dan menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan.


3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah perancangan atau pelan tindakan secara sistematik yang menentukan cara sesuatu penyelidikan dilakukan. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini menggunakan reka bentuk projek jenis inovasi iaitu Smart Apps Jejak Asnaf Kampus (SAJAK) dan data dikumpulkan dalam bentuk kualitatif (pembangunan produk) dan kuantitatif (soal selidik). Selain itu, tinjauan awal (survey) juga dijalankan di peringkat awal kajian bertujuan untuk melakukan tinjauan awal terhadap keperluan kajian ini dilakukan dan kesesuaian produk inovasi yang dihasilkan. Seterusnya, analisis keberkesanan turut dilakukan bagi mendapatkan maklum balas keberkesanan produk inovasi yang telah dihasilkan. Kedua-dua tinjauan awal keperluan dan keberkesanan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengumpul data.

3.2.1 Kaedah Tinjauan Awal Keperluan Kajian Dan Produk Inovasi


Analisis Kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab kesemua 19 persoalan kajian yang telah dikemukakan di dalam bab 1 yang melibatkan soal selidik pelajar, temu bual guru dan soalan ujian pelajar. Bab ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan keputusan ujian dan tindak balas yang diberikan oleh responden-responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan Google form . Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual Dan carta pai . Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian iaitu untuk mengetahui pendedahan mahasiswa Politeknik Seberang Perai (PSP) terhadap isu kewangan dan zakat . Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan soal selidik yang dibuat menggunakan google form bagi menjawab soalan kajian . Analisa data dari borang soal selidik dilakukan menerusi carta pie iaitu untuk menunjukkan peratus.

Daripada kajian yang telah dijalankan, bahagian ini membincangkan tentang analisa data dan memaparkan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan daripada soal selidik yang telah diisi oleh 100 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Politeknik Seberang Perai. Data yang telah diterima akan diproses bagi mendapatkan statistic seperti nilai peratusan, min purata dan sebagainya.




Rajah 2.1: Peratus jantina bagi 101 responden yang di soal selidik di PSP

Berdasarkan rajah 2.1, bilangan mahasiswa perempuan lebih banyak berbanding dengan mahasiswa lelaki. Iaitu seramai 56 orang bersamaan dengan 55.4% adalah terdiri daripada responden perempuan, manakala bakinya sebanyak 45 orang bersamaan dengan 44.6% adalah responden lelaki. Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki. Hal ini kerana jumlah pelajar memang tidak seimbang antara jantina. Agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina.



Rajah 2.2: Peratusan berdasarkan jabatan yang diduduki oleh responden

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa bilangan responden dari jabatan perdagangan lebih tinggi iaitu sebanyak 62.4% bersamaan dengan 63 orang responden berbanding dengan jabatan lain. Diikuti dengan jabatan kejuruteraan elektrik sebanyak 10.9% iaitu bersamaan dengan 17 orang responden. Seterusnya jabatan kejuruteraan mekanikal sebanyak 10.9% bersamaan dengan 11 orang responden dan sebanyak 9.9% iaitu bersamaan dengan 10 orang responden daripada jabatan teknologi dan maklumat kejuruteraan.



Rajah 2.3: Peratusan responden berdasarkan semester

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 51.5% responden adalah dari semester 5 iaitu bersamaan dengan 52 orang . Responden dari semester 1 iaitu sebanyak 17.8% bersamaan dengan 18 orang. Manakala responden dari semester 2 sebanyak 14.9% bersamaan dengan 15 orang dan responden dari semester 3 iaitu sebanyak 8.9% bersamaan dengan 9 orang. Dan yang terakhir, responden yang mencatat peratusan yang paling rendah iaitu sebanyak 6.9% bersamaan dengan 7 orang adalah daripada semester 4.

3.2.2 Kaedah/Prosedur Teknik Penghasilan Projek

Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Selain itu, produk juga harus seiring dan setanding dengan perkembangan era teknologi pada masa kini. Tambahan pula, fasa ini juga melibatkan aplikasi atas talian dan perkakasan yang perlu diambil kira bagi menghasilkan suatu sistem yang mampu menarik minat pengguna untuk menggunakannya. Justeru itu, fasa reka bentuk merupakan fasa untuk merangka reka bentuk produk *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus

Langkah 1

Langkah pertama pembangunan produk inovasi ini adalah dimulakan dengan perbincangan kandungan bersama ahli kumpulan




Rajah 2.8 : Perjumpaan kali pertama

Pengkaji mengadakan perbincangan kali pertama di Perpustakaan Seberang Jaya untuk merangka ciri-ciri yang diperlukan dalam sistem termasuk fungsi sistem tersebut. Seterusnya, pengkaji juga mencari maklumat yang diperlukan untuk dimasukkan dalam pangkalan data

sistem aplikasi. Akhir sekali, pengkaji menentukan pihak yang boleh mengakses aplikasi yang diinovasikan. Terdapat dua pihak yang boleh mengakses aplikasi ini iaitu pihak pentadbir (pihak pengkaji dan JHEP) dan pengguna seperti mahasiswa PSP.

Langkah 2



Rajah 2.9 : Perjumpaan membuat carta alir

Untuk merealisasikan inovasi produk ini, pihak pengkaji telah membuat perjumpaan dengan menggunakan *video call* untuk merangka beberapa langkah dalam penghasilan inovasi produk. Di dalam aplikasi ini terdapat dua *side users* iaitu *students side and admin side*. Di dalam *students side* terdapat empat bahagian yang perlu dijawab oleh pemohon bantuan, bagi bahagian *admin side* terdapat tiga langkah yang memerlukan kerjasama antara MPP dengan pihak JHEP untuk menapis dan menerima permohonan bantuan.

Langkah 3



Rajah 2.10 : Perjumpaan untuk pembahagian tugas

Selepas membuat carta alir pada rajah 2.9, pihak pengkaji telah membuat pembahagian tugas dalam membangunkan inovasi produk ini. Sebahagian daripada ahli kumpulan pihak pengkaji, akan membina bahagian *student side* dan ada sebahagian yang lain akan membina *admin side*.


Langkah 4



Rajah 2.11 : Perjumpaan bagi melaksanakan permulaan *progress*

Pihak Pengkaji menerangkan tentang penambahbaikan yang dibuat berdasarkan penilaian penyelia. Setelah menilai penambahbaikan tersebut pihak pengkaji memberi anggaran harga atau bajet untuk membangunkan applikasi. Antara sistem yang digunakan oleh pihak pengkaji untuk bahagian pengaturcaraan ialah *VS Code*. Seterusnya bagi bahagian rangka kerja dan bahasa pengaturcaraan pihak pengkaji menggunakan *Laravel Versi 8* dan *PHP*. Akhir sekali, bagi pangkalan data pihak pengkaji menggunakan *Laragon Full Versi 5.0* dan *NaviCat Premium Versi 15.0.2*.


Langkah 5



Rajah 2.12 : jadual pangkalan data

Langkah seterusnya adalah pihak pengkaji membina jadual pangkalan data. Pihak pengkaji juga telah menetapkan jenis data yang perlu disimpan di dalam jadual pangkalan data. Pihak pengkaji memasukkan data 10 orang mahasiswa dalam mewujudkan pangkalan data bagi aplikasi ini. Antara contoh data yang perlu disimpan adalah nama mahasiswa, nombor pendaftaran pelajar, alamat, jabatan dan semester. Hal ini bagi memudahkan pihak pengkaji untuk menilai tentang pelajar yang ingin memohon bantuan dan pihak pengkaji juga dapat menyalurkan bantuan dengan cepat kepada mahasiswa yang memerlukan.


Langkah 6



Rajah 2.13 : Rajah menunjukkan bahagian *backend*

Setelah selesai pihak pengkaji melaksanakan bahagian pangkalan data, pihak pengkaji meneruskan pembangunan aplikasi dengan mewujudkan bahagian *backend*. *Backend* bermaksud bahagian sistem komputer atau aplikasi yang tidak diakses secara langsung oleh pengguna, biasanya bertanggungjawab untuk menyimpan dan memanipulasi data. Bahagian *backend* diwujudkan adalah berfungsi untuk berinteraksi antara *database* dan *UI system (user interface)*.


Langkah 7



Rajah 2.14 : Rajah menunjukkan coding bagi bahagian *UI system (user interface)*.

Langkah ini menunjukkan bahawa pihak pengkaji membina bahagian *coding*. *Coding* merupakan proses untuk membentuk dan membina program komputer untuk mencapai hasil pengkomputeran tertentu atau untuk melaksanakan tugas tertentu. Di bahagian ini pihak pengkaji akan dapat melihat dan mengetahui apa yang diperlukan untuk selesaikan sesuatu tugas.


Langkah 8



Rajah 2.15 : Rajah menunjukkan pelaksanaan *debugging*

Seterusnya, pengkaji melaksanakan proses *debugging* kerana terdapat beberapa masalah teknikal yang berlaku pada bahagian ini semasa pembangunan produk. Dalam pengaturcaraan komputer dan pembangunan perisian, *debugging* ialah proses mencari dan menyelesaikan kecacatan atau masalah yang menghalang operasi yang betul dalam program komputer, perisian atau sistem.

Langkah 9



Rajah 2.16 : Rajah menunjukkan produk siap

Akhir sekali, rajah diatas menunjukkan produk yang telah siap dibina dan direalisasikan oleh pihak pengkaji. Dengan wujudnya aplikasi ini urusan mahasiswa memohon bantuan akan menjadi lebih mudah dan selesa tanpa berurusan dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta dapat mengelakkan data pelajar terdedah kepada pihak lain.

3.2.3 Kaedah Pengumpulan Data

Hasil temu bual dengan 101 orang pelajar yang menghadapi masalah kewangan, mereka menyatakan bahawa tidak tahu bantuan yang ditawarkan oleh pihak Politeknik. Di bawah menunjukkan data yang telah dikumpul oleh pengkaji berkaitan informasi bantuan yang disediakan.

Jadual 2.1: Data temubual tentang informasi bantuan kewangan yang disediakan.

bil	Item soalan	Data temubual	
1.	Adakah anda pernah membuat permohonan bantuan zakat kewangan untuk kemasukan ke IPT?	Ya (59.4%)	Tidak (40.6%)
2.	Adakah anda penerima bantuan zakat kewangan IPT?	Ya (45.5%)	Tidak (54.5%)
3.	Adakah anda pernah mendengar tentang bantuan zakat/kewangan yang ditawarkan oleh pihak Politeknik Seberang Perai?	Ya (38.6%)	Tidak (61.4%)

bil	Item soalan	Data temubual				
		Sangat baik	Baik	Memuaskan	Tidak baik	Sangat tidak baik
4.	Bagaimanakah keadaan kewangan dan perbelanjaan anda semasa berada di Politeknik Seberang Perai?					
		8.9%	35.6%	39.6%	11.9%	4%

3.2.4 Bahan dan Peralatan

Pengkaji telah menggunakan bahan dan peralatan untuk membangunkan sistem *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Fungsi
1.	Pengaturcaraan : <i>VS Code</i>	<i>VS Code</i> adalah platform untuk pengaturcaraan untuk membina dan reka bentuk sesuatu sistem berdasarkan idea dan keperluan oleh pengguna
2.	Rangka kerja dan bahasa pengaturcaraan 1. Rangka kerja : <i>Laravel Versi 8</i> 2. bahasa pengaturcaraan : <i>PHP</i>	Segara pengaturcaraan , logik dan interaksi didalam sistem akan dibina menggunakan <i>Laravel Versi 8</i> dengan bahasa pengaturcaraan <i>PHP</i>
3.	Pangkalan data : 1. <i>Laragon Full Versi 5.0</i>	1. Perisian <i>Laragon</i> ini adalah sistem untuk membuat sambungan

	<p>2. <i>NaviCat Premium Versi 15.0.2</i></p>	<p>antara sistem dan pangkalan data, supaya sistem dapat menerima dan menghantar semua data ke tempat yang telah ditetapkan</p> <p>2. Pangkalan data atau database adalah <i>platform</i> untuk menyimpan semua data yang dimasukkan oleh pengguna dalam sistem yang terbina</p>
--	---	--

3.2.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan di mana data yang telah dikumpulkan dapat diproses dan mencapai objektif kajian. Dalam kajian ini, data-data yang di kumpul dianalisis menggunakan analisis SWOT (*strenghts, weaknesses, opportunities, threats*).

Untuk menjadikan kajian ini lebih kukuh, pihak pengkaji menggunakan instrumen analisis SWOT untuk menambah baik maklumat yang telah diperoleh. Analisis SWOT merupakan singkatan kepada *Strengths, Weakness, Opportunities* dan *Threats*. Dengan penggunaan instrumen analisis SWOT ini pihak pengkaji dapat mengkaji dengan lebih terperinci segala maklumat yang telah diperoleh. Menganalisa lingkungan *internal* dan *eksternal* merupakan bagian dari perencanaan strategis. Salah satu *tools* yang digunakan adalah SWOT yang merupakan singkatan dari *Strengths (S), Weakness (W), Opportunities (O)* dan *Threats (T)* (Arnold , 2008). Selain itu, instrumen ini juga telah menjadi kaedah pendekatan berguna sejak sekian lama kepada industri dan membantu sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan tindakan (Balamuralikrishna & Dugger, 2003)

Seterusnya, penggunaan analisis ini dapat membantu untuk membuat keputusan dan tindakan. Ia terdapat beberapa kebaikan iaitu ia memastikan mempercepatkan kerja, menjimatkan masa dan paling utama membolehkan manfaat zakat segera sampai kepada penerimanya (Hamizul Abdul Hamid, 2012). Seterusnya, dengan kemudahan teknologi seperti produk inovasi, zakat kini boleh ditunaikan secara dalam talian dan juga sistem zakat akan dilaksanakan mengikut haknya yang membolehkan orang yang keperluan dapat menjalankan perusahaan yang dirancang sesuai dengan kemahiran dan kelayakan yang ada pada mereka (Najmi Syahiran Mamat, 2020). Menurut Amree Ahmad, 2021, pengurusan zakat akan diteruskan usaha agresif turun ke lapangan mencari asnaf yang memerlukannya.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian atau pengujian iaitu projek jenis nyata seperti analisis SWOT dan keberkesanan produk. Seterusnya, perbincangan tentang kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan produk diikuti dengan impak produk terhadap kos dan masa serta diakhiri dengan kos penghasilan projek.

4.2 DAPATAN KAJIAN/PENGUJIAN


4.2.1 Projek Jenis Nyata

Huraian mengenai hasil pengumpulan dan analisis data merangkumi penilaian berkaitan projek yang dibangunkan termasuk kelebihan, kekurangan atau masalah dalam proses pembangunan projek perlu dinyatakan. Ujikaji-ujikaji yang dijalankan ke atas produk yang telah dihasilkan berserta kaedah pengujian dan peralatan yang diguna pakai juga hendaklah diperjelaskan. Seandainya produk yang terhasil tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, perbincangan kaedah yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah tersebut boleh dinyatakan. Antara perkara yang boleh dibincangkan:

- (a) peringkat pertama keputusan pengujian dan kalibrasi;
- (b) peringkat akhir keputusan pengujian; dan
- (c) membaikpulih dan penyelenggaraan

a) Analisis SWOT

Penyediaan projek ini dilakukan berdasarkan analisis SWOT yang disediakan oleh pengkaji. Berikut merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.



b) Analisis Keberkesanan Produk

Analisis keberkesanan produk dijalankan setelah produk inovasi dihasilkan. Soal selidik telah diedarkan kepada seramai 50 responden. Sebanyak 6 item telah diajukan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Tujuan analisis ini untuk mendapatkan kefahaman dan pengetahuan responden tentang produk inovasi yang dihasilkan.

Jadual 4.1: Dapatan analisis keberkesanan produk Aplikasi Smart Apps Jejak Asnaf Kampus

Bil	Item soalan	Tidak memuaskan	Kurang memuaskan	Memuaskan	Amat memuaskan
1	Adakah sistem ini membantu saya dalam memohon bantuan zakat kewangan?	0%	0%	68%	32%
2	Adakah sistem ini mudah diakses dan mesra pengguna?	0%	0%	68%	32%
3	Adakah pengendalian sistem ini dalam proses jawapan penerimaan lebih cepat berbanding sistem lama?	0%	4%	62%	34%
4	Adakah proses untuk menghantar borang permohonan bantuan ini lebih cepat berbanding sistem terdahulu?	0%	0%	66%	34%
5	Adakah maklumat yang diminta mudah difahami?	0%	2%	64%	34%

Bil	Item soalan	Cadangan-cadangan
6	Apakah anda mempunyai idea dalam penambahbaikan sistem unntuk kegunaan pengkaji akan datang?	Tiada

4.3 PERBINCANGAN

(KELEBIHAN, KEKURANGAN, MASALAH YANG DIHADAPI KETIKA MEMBANGUNKAN PRODUK)

Antara kelebihan yang dapat diperoleh daripada produk yang dihasilkan oleh pihak pengkaji ialah pihak Politeknik Seberang Perai dapat mengurangkan keperluan penyelidikan dalam mengesan dan memperoleh data-data mahasiswa asnaf tersebut. Hal ini kerana produk tersebut telah dilengkapi dengan semua maklumat sulit dan data-data mahasiswa. Seterusnya, kelebihan untuk mahasiswa ialah mereka dapat memohon bantuan dengan lebih selesa. Dengan adanya produk mereka akan berasa tidak segan dan malu untuk mohon bantuan daripada pihak Politeknik Seberang Perai. Akhir sekali, pihak pengkaji juga dapat

Seterusnya, antara kekurangan yang didapati dalam produk yang telah direalisasikan oleh pihak pengkaji adalah produk ini hanya tertumpu kepada mahasiswa Politeknik Seberang Perai sahaja. Selain itu, aplikasi ini juga hanya boleh diakses oleh pihak pengurusan Jabatan Hal Ehwal pelajar PSP sahaja dan tidak boleh diakses oleh mana-mana pihak pengurusan lain. Akhir sekali, mahasiswa memerlukan keperluan internet untuk mengakses produk tersebut.

Antara masalah yang dihadapi oleh pihak pengkaji dalam pembangunan produk ialah pihak pengkaji merupakan pelajar yang datang dari kursus *Diploma Islamic Banking and Finance*. Ini agak menyukarkan pihak pengkaji untuk membangunkan produk inovasi ini, kerana pihak pengkaji perlu belajar lebih mendalam tentang cara-cara pembangunan produk inovasi. Seterusnya ialah, memerlukan data atau internet yang lebih kuat, pihak pengkaji perlu membelanjakan kos yang tinggi dalam penghasilan produk inovasi ini. Akhir sekali, pihak pengkaji mengalami kesukaran untuk mengumpul data mahasiswa Politeknik Seberang Perai. Hal ini kerana, situasi pandemik yang menyebabkan pihak pengkaji sukar untuk berjumpa dengan pihak JHEP untuk mengumpul data mahasiswa.

4.3.1 IMPAK PRODUK

Inovasi produk diperincikan kepada tiga (3) bentuk impak kesan dari produk yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Berikut adalah penjelasan impak mengikut sub topik perbincangan.

a) Impak Produk Terhadap Kos

Pengkaji merupakan mahasiswa yang masih menuntut di Politeknik Seberang Perai (PSP) .Oleh hal yang demikian pengkaji mengalami kekangan dari segi kewangan untuk membangunkan aplikasi ini.Namun demi merealisasikan produk inovasi ini pengkaji berkongsi modal bagi membangunkan aplikasi ini iaitu Smart Apps Jejak Asnaf Kampus .Matlamat utama pengkaji adalah untuk

b) Impak Produk Terhadap Masa

Penggunaan aplikasi iaitu Smart Apps Jejak Asnaf Kampus ini telah membantu ke arah penjimatan masa dari segi pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) mengumpul data – data asnaf mahasiswa PSP dengan mudah .Selanjutnya, dengan adanya aplikasi ini mahasiswa PSP turut dapat memperoleh manfaat daripadanya iaitu dengan memohon bantuan kewangan zakat tanpa rasa malu dan lebih selesa. Kewujudan aplikasi ini juga dapat menjimatkan penggunaan kertas bagi tujuan pengisian borang permohonan oleh mahasiswa .Mahasiswa hanya perlu membuat permohonan melalui aplikasi tersebut.

Jadual 4.1 Jadual Impak Produk Terhadap Masa

Butiran	Sebelum	Selepas
Masa Untuk Membuat Permohonan (Mahasiswa)	20 Minit (Borang)	5 Minit (App)
Masa Untuk Meluluskan Permohonan (JHEP)	1 Minggu (Hari Bekerja)	2 Hari (Hari Bekerja)

c) **Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk**

Keberkesanan penggunaan aplikasi dapat dilihat dari segi memudahkan banyak pihak seperti dari pihak mahasiswa PSP mahupun JHEP hal ini kerana produk Smart Apps Jejak Asnaf Kampus ini amat mudah digunakan dan dikendalikan di mana jua dan oleh mana – mana pihak tanpa perlu ada ilmu yang amat mendalam .

Jadual 4.2 Impak Terhadap Keberkesanan Penggunaan Produk

Aspek	Sebelum	Selepas
Kecekapan	Memuaskan	Amat Baik
Kemudahan	Memuaskan	Amat Baik

4.4 KOS PENGHASILAN PROJEK

Jadual di bawah menunjukkan kos penghasilan projek yang diambil kira berdasarkan kepada setiap bahan-bahan input yang diperlukan di dalam proses pembangunan aplikasi *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus (SAJAK)

Jadual 4.4: Menunjukkan kos penghasilan

BIL	BUTIRAN	KOS
1	<i>Laragon Full Versi 5.0 (server)</i>	RM 50
2	<i>VS Code dan Framework & Bahasa</i>	RM 100

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian inovasi produk *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus yang telah dibangunkan bagi menyelesaikan isu Mengenal pasti masalah menjejaki mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan. Bab ini merangkumi kesimpulan daripada keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT yang telah dilakukan untuk menentukan kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang produk. Selain itu analisis kajian keberkesanan juga digunakan bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini.

5.2 KESIMPULAN

Dapatan awal pengkaji mendapati mahasiswa IPT menghadapi masalah kewangan untuk menjalani hidup sebagai penuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Hal ini kerana pelajar berasa malu atau segan untuk meminta bantuan kewangan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan dan pihak-pihak yang lain. Oleh yang demikian, pihak institusi juga tidak tahu bilangan pelajar yang memerlukan bantuan zakat kewangan IPT. Disebabkan hal ini, Sistem Aplikasi Jejak Asnaf Kampus (SAJAK) diwujudkan untuk membantu pelajar membuat permohonan secara persendirian tanpa mempunyai perasaan malu atau segan. Manakala sistem ini juga membantu pihak hal ehwal pelajar (JHEP) untuk mendapatkan maklumat pelajar yang memerlukan bantuan zakat dengan kelayakan syarat-syaratnya.

Bahan yang digunakan untuk mencipta Sistem Aplikasi Jejak Asnaf Kampus ini ialah menggunakan komputer peribadi. Proses pembangunan produk ialah suatu proses yang dilakukan untuk mengekalkan kebolegunaan produk dalam suatu jangka masa yang lama. Antara proses membangunkan produk inovasi sistem aplikasi ialah bermula dengan merangka ciri-ciri yang diperlukan dalam sistem termasuk fungsi sistem dan menentukan pihak yang boleh mengakses aplikasi ini. Seterusnya, mewujudkan dua *side users* iaitu *students side and admin side*. Di dalam *students side* dijawab oleh pemohon bantuan, bagi bahagian *admin side* yang diperlukan kerjasama antara MPP dengan pihak JHEP untuk menapis dan menerima permohonan bantuan. Keberkesanan produk ini telah dibuktikan apabila ia telah dilaksanakan di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dan diiktiraf sebagai aplikasi yang hanya digunakan oleh pelajar Politeknik Seberang Perai. Selepas projek tahun akhir ini dihasilkan objektif kajian telah dicapai sepenuhnya.

5.3 CADANGAN

Hasil daripada kajian ini terdapat, beberapa cadangan turut diberikan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Antara pihak tersebut ialah Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai, mahasiswa PSP dan pengkaji akan datang.

5.3.1 Cadangan kepada responden utama kajian (JHEP)

Pihak pengkaji ingin mencadangkan kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar Politeknik Seberang Perai untuk mengasingkan data pendapatan penjaga mahasiswa yang berkeperluan dan tidak berkeperluan dengan lebih awal supaya dapat menetapkan bajet kewangan zakat asnaf mahasiswa. Seterusnya, pihak pengkaji mencadangkan kepada JHEP PSP untuk berkolaborasi dengan JHEP politeknik Malaysia bagi mewujudkan tabung kebajikan untuk membantu mahasiswa ketika dalam keadaan kecemasan atau terdesak.

5.3.2 Cadangan kepada mahasiswa dan Majlis Perwakilan Pelajar

Pihak pengkaji mencadangkan kepada mahasiswa untuk memohon bantuan kepada JHEP secara persendirian jika berkeperluan agar masalah mereka dapat diselesaikan dengan mudah dan pantas. Selain itu, pihak pengkaji juga mencadangkan kepada pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) agar membuat soal selidik kepada mahasiswa PSP yang berada di asrama supaya pihak MPP dapat mengesan mahasiswa yang memerlukan bantuan.

5.3.3 Cadangan kepada pengkaji pada masa akan datang

Pihak pengkaji ingin mencadangkan kepada pengkaji akan datang untuk berkolaborasi dengan JHEP Politeknik Malaysia untuk menjejak mahasiswa politeknik yang terdiri daripada keluarga susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan agar isu kewangan mereka dapat diselesaikan dengan mudah dan pantas. Seterusnya, pihak pengkaji juga mencadangkan kepada pihak pengkaji akan datang untuk membina satu aplikasi atau sistem yang lebih canggih supaya lebih membantu untuk mengesan mahasiswa yang memerlukan bantuan.

5.4 LIMITASI KAJIAN (Kekangan Kajian)

Projek yang dijalankan hanya berfokuskan kepada mahasiswa PSP yang terdiri daripada keluarga yang susah dari kalangan B40. Skop projek ini hanya tertumpu kepada asnaf dalam kalangan mahasiswa PSP. Oleh sebab itu, terdapat beberapa faktor yang menghalang pengkaji untuk mengkaji secara menyeluruh berkenaan kajian keberkesanan penggunaan sistem pengurusan pangkalan data JHEP oleh kerana situasi pandemik kini dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun pengkaji tetap berusaha untuk membuat kolaborasi bersama pihak JHEP PSP untuk mengumpul segala data berkaitan kajian ini .

Seterusnya, kos yang agak tinggi juga merupakan penghalang bagi pengkaji untuk menjalankan kajian di tempat-tempat yang lebih luas dalam mencapai objektif kajian yang pengkaji jalankan. Namun demikian, pengkaji menggunakan segala inisiatif yang ada untuk merealisasikan kajian ini bagi menjadikan sebuah inovasi yang dapat memudahkan urusan semua pihak. Antara pihak yang terlibat adalah JHEP dan mahasiswa PSP. Dari segi pihak JHEP dapat menjejaki golongan asnaf yang memerlukan bantuan kewangan melalui permohonan yang dibuat melalui web app tersebut. Mahasiswa PSP turut dapat memohon bantuan kewangan zakat melalui aplikasi ini dengan lebih mudah dan selesa. Pengkaji menjalankan/melaksanakan kajian ini ketika masih menuntut sebagai mahasiswa di Politeknik Seberang Perai (PSP) di semester 5 untuk menjayakan *final year project* sebelum menjejak kaki ke industri. Pengkaji mengalami kekangan dari segi masa kerana perlu memberi tumpuan pada kajian ini pada masa yang sama perlu selesaikan tugas-tugas subjek lain. Tambahan pula, bagi merealisasikan inovasi ini perlukan masa yang agak lama dalam membangunkan aplikasi Smart Apps Jejak Asnaf Kampus .

5.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, dengan adanya pelaksanaan sistem *Smart Apps Jejak Asnaf* tersebut, Pihak Politeknik Seberang Perai dan pengkaji dapat menjejaki mahasiswa Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada keluarga susah dan anak yatim piatu yang malu untuk memohon bantuan daripada pihak Politeknik Seberang Perai secara bersemuka. Selain dapat menjejaki mahasiswa yang memerlukan bantuan, ia juga dapat membantu mahasiswa dalam memohon bantuan dengan lebih mudah dan pantas berbanding kaedah menjejaki pelajar asnaf terdahulu. Akhir sekali, sistem *Smart Apps Jejak Asnaf* ini juga dapat memberikan keselesaan kepada mahasiswa dalam memohon bantuan secara persendirian kerana melalui sistem ini, mahasiswa tidak perlu untuk berjumpa pihak Politeknik Seberang Perai secara bersemuka untuk menghantar maklumat-maklumat sulit sebagai bukti untuk mendapatkan bantuan, sebaliknya mahasiswa hanya perlu menghantar salinan maklumat-maklumat sulit dan data-data diri dalam sistem tersebut.

RUJUKAN

- 1) <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/berita/rencana/1833-pelajar-ipt-perlu-bijakuruskan-wang>
- 2) <https://theinspirasi.my/masalah-kewangan-dan-kesihatan-mental-dalam-kalangan-pelajar-di-universiti-serta-cara-mengatasinya/>
- 3) https://www.researchgate.net/publication/353357120_STATUS_KEWANGAN_DAN_TEKANAN_DALAM_KALANGAN_PELAJAR
- 4) <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/677283/isu-sara-hidup-siswa-perlu-kajian-mendalam>
- 5) <https://theinspirasi.my/masalah-kewangan-dan-kesihatan-mental-dalam-kalangan-pelajar-di-universiti-serta-cara-mengatasinya/#>
- 6) <https://m.malaysiakini.com/news/492902>
- 7) <https://www.zakat.com.my/info-zakat/golongan-penerima-zakat/>
- 8) <https://images.app.goo.gl/cBnrrJcSNWvZSWC37>
- 9) <https://mycommunity.ump.edu.my/index.php/en/news/194-jejak-asnaf-kembali-ke-sekolah-bantu-pelajar-kurang-berkemampuan>
- 10) <https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://media.neliti.com/media/publications/196965-none-d8f09051.pdf&ved=2ahUKEwin4Nqh-Y30AhUF63MBHUcrC1MQFnoECCoQAQ&usg=AOvVaw2JLYNnAeC62-YmR0HvpuZY>
- 11) <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/zakat-selangor-terima-zakat-perniagaan-berjumlah-rm5-7-juta/>

- 12) https://www.academia.edu/45167209/Merakyatkan_Institusi_Zakat_Menurut_Perspektif_Maqasid_Syariah
- 13) <https://www.facebook.com/430741250337270/posts/254755333532270/>
- 14) [JISED-2021-39-09-10.pdf](#)

LAMPIRAN 1

Untitled form - Google Forms x +
https://docs.google.com/forms/d/1k0iJP2CEaiwfmCWKOZPIHO9rF1eWMpxuQyW1UyFM1s/edit

Untitled form ☆

Questions Responses 50 Settings

Section 1 of 2

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PRODUK SMART APPS JEJAK ASNAF KAMPUS

Form description

JANTINA *

- Perempuan
- Lelaki

JABATAN *

- JP

32°C Light rain 8:57 PM 8/1/2022

Untitled form - Google Forms x +
https://docs.google.com/forms/d/1k0iJP2CEaiwfmCWKOZPIHO9rF1eWMpxuQyW1UyFM1s/edit

Untitled form ☆

Questions Responses 50 Settings



Adakah sistem ini membantu saya dalam memohon bantuan zakat kewangan? *

- Tidak memuaskan
- Kurang memuaskan
- Memuaskan
- Amat memuaskan

Adakah sistem ini mudah diakses dan mesra pengguna? *


- Tidak memuaskan
- Kurang memuaskan
- Memuaskan
- Amat memuaskan

32°C Light rain 8:58 PM 8/1/2022




Contoh soalan soal selidik


LAMPIRAN 2



Muka hadapan *SMART APPS* Jejak Asnaf Kampus



Muka hadapan bahagian *student side*



Muka hadapan bahagian *admin side*